



SIARAN MEDIA

BAKTI KOMUNITI MADANI PENDEKATAN BAHARU AKTIFKAN SEMANGAT KESUKARELAWANAN

LANGKAWI, 19 Mei 2025 – Menteri Komunikasi, YB Datuk Fahmi Fadzil hari ini menyantuni hampir 120 orang ahli Komuniti MADANI daerah Langkawi sempena program Bakti Komuniti MADANI di Kampung Kuah.

Program Bersama Aktifkan Kesukarelawanan Teras Inspirasi (BAKTI) Komuniti MADANI merupakan pendekatan baharu bagi menyuburkan semangat kesukarelawanan menerusi penyertaan aktif komuniti dalam aktiviti gotong-royong, kenduri rakyat, sukan rakyat dan program kerohanian.

YB Datuk Fahmi menyantuni golongan asnaf dengan menyampaikan sumbangan berupa bahan keperluan harian dan kelengkapan sekolah selain turut menyertai gotong-royong membersihkan kawasan Surau Al-Mursyidin.

Turut diadakan, lawatan ke Ilham Ceramics Studio, perusahaan milik ahli Komuniti MADANI daerah Langkawi, Mohamad Radzi Ismail, yang terletak di Kampung Bendang Baru. YB Datuk Fahmi juga menyaksikan demonstrasi pembuatan seramik serta mencuba sendiri proses penghasilannya.

Terdahulu, YB Datuk Fahmi meninjau Pejabat Penerangan Daerah (PPD) Langkawi yang kini kembali beroperasi di premis asal di Jalan Penarak selepas kerja penyelenggaraan selesai dilaksanakan. Fungsi PPD terus diperkukuh sebagai pusat penyampaian maklumat kerajaan di samping memperkasakan komuniti melalui program kenegaraan, pendidikan dan kemasyarakatan.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, YBhg. Datuk Mohamad Fauzi Md Isa dan Ketua Pengarah JAPEN, Puan Julina Johan.

**Dikeluarkan oleh:
Jabatan Penerangan Malaysia**